

DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KEDUA BELAS NEGERI SABAH

ATURAN URUSAN MESYUARAT

<http://www.sabah.gov.my/dun>

KHAMIS, 30 NOVEMBER 2006, JAM 10:00 PAGI

Bil. 11

PERTANYAAN-PERTANYAAN UNTUK JAWAPAN LISAN

1. **Y.B. Datuk Haji Syed Abas Syed Ali [Balung]** bertanya kepada KETUA MENTERI bolehkah beliau memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini berapakah hasil dan keuntungan yang diperolehi oleh Kumpulan Yayasan Sabah dalam lima (5) tahun kebelakangan ini (2001-2005) dan daripada hasil-hasil tersebut berapakah yang dibelanjakan oleh Kumpulan Yayasan Sabah untuk tujuan membangunkan kedudukan sosio-ekonomi rakyat Sabah.
2. **Y.B. Tuan Justin Guka [Bingkor]** bertanya kepada MENTERI KEWANGAN adakah kerajaan negeri menyedari bahawa terdapat perbezaan yang sangat ketara antara peruntukan ADUN dan Ahli Parlimen. Bolehkah kerajaan negeri menseimbangkan kedudukan ini dengan menambah peruntukan yang ada sekarang supaya setiap ADUN ditambah peruntukan kepada RM1,000,000.00 setahun.
3. **Y.B. Datuk Mohd. Lan Allani [Sulabayan]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR apakah angka sebenar rakyat termiskin di negeri ini pada masa sekarang dan sejauh manakah pencapaian kementerian setakat ini dalam usaha *zero poverty* seperti yang disasarkan menjelang tahun 2010.
4. **Y.B. Datuk Liew Teck Chan [Likas]** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN SUMBER DAN KEMAJUAN TEKNOLOGI MAKLUMAT apakah pihak kementerian ada membuat kajian terperinci mengenai guna tenaga mahir, separuh mahir dan profesional dalam pembangunan Negeri Sabah untuk mencapai Wawasan 2020. Jika ya, sila nyatakan perinciannya.
5. **Y.B. Datuk Basalie Haji Abdul Hamid [Bugaya]** bertanya kepada MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN apakah kerajaan telah berpuas hati dengan tahap kebersihan di Pekan Semporna selepas laporan akhbar menyatakan bahawa Pekan Semporna dianggap tidak bersih.

6. **Y.B. Datuk Haji Zakaria Haji Mohd. Edris [Gum-Gum]** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR apakah rancangan jangka pendek dan tindakan pihak yang berkenaan untuk mengatasi masalah bekalan air di kawasan Sandakan yang mempunyai penduduk yang padat khususnya bagi tempoh terdekat ini.
7. **Y.B. Dr. Joachim Gunsalam [Kundasang]** bertanya kepada MENTERI BELIA DAN SUKAN, apakah status terkini mengenai cadangan pembinaan semula SMK Kundasang yang mengalami kerosakan teruk akibat tapak tanah yang tidak stabil dan SMK Bundu Tuhan yang masih belum ada bangunan sendiri sejak ianya mula beroperasi pada tahun 1975.
8. **Y.B. Datuk Dr. Hj. Patawari Bin Hj. Patawe [Sebatik]** bertanya kepada MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN apakah perkembangan terkini berkenaan dengan Taman Kekal Pengeluaran Makanan. Bagaimanakah cara pihak swasta mengambil bahagian dalam hal ini.
9. **Y.B. Tuan Hj. Mohd. Arifin Mohd. Arif [Membakut]** bertanya kepada MENTERI BELIA DAN SUKAN setakat manakah Akta Belia Negara yang telah digubal dapat dimanfaatkan untuk memperkasa belia dan pertubuhan belia di negeri ini. Apakah program yang telah dilaksanakan oleh kementerian dalam membimbing dan memantau pergerakan persatuan belia di Sabah dan apakah langkah kerajaan dalam menggerakkan badan belia yang tidak aktif.
10. **Y.B. Datuk Michael Asang [Labuk]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN HAL EHWAL PENGGUNA:-
 - a) Sehingga kini sejauh manakah keberkesanan PEMADAM untuk mengurangkan dan membentaras gejala penagihan pelbagai jenis dadah di kalangan masyarakat di daerah-daerah di negeri ini; dan
 - b) Apakah bentuk aktiviti yang telah dilakukan oleh PEMADAM melalui peruntukan khas ADUN sejumlah RM2,000.00 yang diperuntukkan setiap tahun kepada mereka.
11. **Y.B. Tuan Md. Kamil Bin Datuk Hj. Mohd. Kassim [Tanjung Batu]** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN bolehkah kerajaan memaklumkan kepada Dewan yang mulia ini tentang berapakah bilangan permit yang telah dikeluarkan oleh kerajaan kepada pengilang untuk:-
 - a) Mendirikan / mengusahakan kilang penapis minyak sawit;

- b) Mendirikan / mengusahakan kilang mengeluarkan “bio-diesel” di negeri ini.
12. **Y.B. Datuk Haji Ghulamhaidar Khan Bahadar [Kawang]** bertanya kepada KETUA MENTERI berapakah hasil kutipan zakat yang telah berjaya dikutip oleh MUIS pada tahun 2006. Bolehkah dijelaskan asnaf-asnaf yang telah mendapat manfaat hasil daripada pengagihan berkenaan.
13. **Y.B. Dr. Joachim Gunsalam [Kundasang]** bertanya kepada MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN apakah masalah yang dihadapi oleh kerajaan sehingga perlantikan Ketua-ketua Kampung dan Ketua Anak Negeri di kawasan DUN Kundasang lewat diproses.
14. **Y.B. Tuan Md. Kamil Bin Datuk Hj. Mohd. Kassim [Tanjung Batu]** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR sejauh manakah perkembangan pelaksanaan projek menaik taraf jalan JKR dari Kalabakan dan berapakah peruntukan yang telah disediakan untuk projek ini.
15. **Y.B. Datuk Haji Ghulamhaidar Khan Bahadar [Kawang]** bertanya kepada MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN apakah jenis-jenis produk pertanian Negeri Sabah yang diekspot ke Negara Brunei dan berapakah nilainya setiap tahun.
16. **Y.B. Datuk Haji Syed Abas Syed Ali [Balung]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN HAL EHWAL PENGGUNA bagaimanakah Kerajaan Negeri Sabah boleh memastikan bahawa kes-kes penyeludupan diesel di perairan Negeri Sabah tidak berlaku dan diesel bersubsidi yang diumumkan kerajaan persekutuan tersebut sampai kepada sasarannya iaitu nelayan-nelayan tulen.
17. **Y.B. Tuan Philip B. Lasimbang [Moyog]** bertanya kepada KETUA MENTERI adakah kerajaan negeri mempunyai perancangan untuk menaikkan gaji kakitangan kerajaan negeri memandangkan kenaikan kos sara hidup.
18. **Y.B. Tuan Samson Chin Chee Tsu [Sri Tanjung]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR:-
- a) Apakah cara-cara pemasaran dan program promosi perancangan di dalam dan di luar negara bagi “*Pending Visit Malaysia*” Tahun 2007; dan

- b) Mengapakah belanjawan yang diperuntukkan untuk kementerian agak kurang memandangkan sektor pelancongan merupakan “Lubuk Emas” bagi Negeri Sabah.
19. **Y.B. Datuk Hj. Sairin Hj. Karno [Liawan]** bertanya kepada KETUA MENTERI adakah kerajaan berhasrat menukar bendera Negeri Sabah dan juga lagu “Sabah Tanah Air Ku”.
20. **Y.B. Datuk Masrani Parman [Pitas]** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR, bilakah kementerian akan melaksanakan projek menaik taraf jalan-jalan raya seperti Mempakad Laut ke Kg. Nibang sejauh 25 kilometer, Kg. Kabatasan ke Kg. Dandun Pusat sejauh 12 kilometer dan Kg. Salimpodon Laut ke Kg. Salimpodon Darat sejauh 7 kilometer memandangkan perkara ini telah beberapa kali diajukan kepada pihak kementerian namun sehingga kini tidak ada tindakan.
21. **Y.B. Datuk Louis Rampas [Kiulu]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN HAL EHWAL PENGGUNA berapa banyakkah bekas penagih / penghuni Pusat Serenti yang berjaya mendapat pekerjaan selepas pemulihan dan berapa banyakkah NGO, syarikat perniagaan dan penderma-penderma yang telah menyumbang kepada usaha yang dibuat oleh kerajaan untuk membasmi dadah dan apa bentuk bantuan yang diberi.
22. **Y.B. Datuk Hj. Sairin Hj. Karno [Liawan]** bertanya kepada MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI PERTANIAN benarkah hasil getah daripada Negeri Sabah hanya dijual di Negara Singapura. Apakah rasionalnya.
23. **Y.B. Tuan Samsudin Yahya [Sekong]** bertanya kepada KETUA MENTERI apakah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) menyedari tentang surau-surau yang mengadakan solat Jumaat berhampiran dengan masjid-masjid yang memangpun sekian lama melaksanakan solat Jumaat. Jika ini bertentangan dengan hukum agama, apakah tindakan yang akan diambil oleh JHEAINS.
24. **Y.B. Tuan Johnny @ Juni Intang [Kuamut]** bertanya kepada MENTERI BELIA DAN SUKAN bolehkah kementerian memberikan penjelasan mengapa pembinaan Pusat Komuniti Sukan yang diumumkan oleh Kementerian Belia dan Sukan Persekutuan lambat dilaksanakan.
25. **Y.B. Tuan Au Kam Wah [Elopura]** bertanya kepada KETUA MENTERI apakah peranan “*Institute for Development Studies*” (IDS) pada masa kini dan apa projek yang sedang dilaksanakan oleh institusi tersebut.

26. **Y.B. Datuk Basalie Haji Abdul Hamid [Bugaya]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR adakah golongan nelayan di negeri ini masih berada dalam kategori miskin tegar. Jika ya, apakah usaha, program atau skim yang telah diperkenalkan oleh pihak kerajaan dalam membantu golongan ini keluar daripada kepompong kemiskinan tegar.
27. **Y.B. Tuan Hj. Mohd. Arifin Mohd. Arif [Membakut]** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN SUMBER DAN KEMAJUAN TEKNOLOGI MAKLUMAT berapa banyakkah kemudahan info-desa di luar bandar yang telah diwujudkan oleh kerajaan dan setakat manakah kadar celik I.T. dikalangan penduduk luar bandar di Sabah.
28. **Y.B. Datuk Dr. Hj. Patawari Bin Hj. Patawe [Sebatik]** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN apakah bentuk industri yang dirancang oleh kerajaan bagi Daerah Tawau dalam RMK-9.
29. **Y.B. Tuan Hj. Mohd. Arifin Mohd. Arif [Membakut]** bertanya kepada MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN, adakah kerajaan telah membuat kajian tentang punca kekerapan berlaku banjir di kawasan Kg. Pusak, Kg. Sinuko, Kg. Bambang, Kg. Sungai Damit dan Kg. Brunei Membakut. Apakah perancangan kerajaan dalam mengatasi masalah ini.
30. **Y.B. Tuan Mohd. Suhaili Hj. Said [Tungku]** bertanya kepada MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN adakah kerajaan bercadang untuk meneruskan kerja-kerja pembinaan rumah kos rendah yang terbengkalai di Dengan, Tungku kerana ianya boleh menjejaskan nama baik kerajaan di kawasan Tungku.
31. **Y.B. Tuan Samsudin Yahya [Sekong]** bertanya kepada MENTERI BELIA DAN SUKAN kerajaan telah mengumumkan Sandakan sebagai “*educational hub*” atau pusat pendidikan. Apakah tindakan dan kedudukan terkini tentang cadangan ini.
32. **Y.B. Tuan Au Kam Wah [Elopura]** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR apakah punca sebabnya “Grid Timur – Barat” yang telah dijanjikan siap dibina pada penghujung bulan September serta pembekalan elektrik masih belum diselesaikan.
33. **Y.B. Datuk Dr. Maximus J. Ongkili [Tandek]** bertanya kepada KETUA MENTERI mengenai jumlah biasiswa dan pinjaman yang telah diberikan oleh kerajaan negeri kepada para pelajar bagi tempoh 2001 hingga 2005.

Berapakah jumlah wang yang telah diperuntukkan bagi tujuan ini pada tahun 2006 dan 2007.

34. **Y.B. Datuk Liew Teck Chan [Likas]** bertanya kepada MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN berapakah jumlah lesen memungut besi terpakai (*scrap iron*) telah dikeluarkan oleh pihak kementerian sejak tahun 2000 dan bilangan yang telah didapati bersalah melanggar syarat termasuk membeli besi / kabel elektrik curi yang berleluasa pada masa kini.
35. **Y.B. Datuk Michael Asang [Labuk]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR:-
 - a) Berikutan dengan kekurangan penerbangan ke negeri ini beberapa bulan yang lepas, apakah kesannya terhadap ekonomi negeri ini khususnya dari sektor pelancongan; dan
 - b) Apakah kementerian mempunyai rancangan untuk memastikan para pelancong daripada luar negeri akan terus melancong ke negeri ini.
36. **Y.B. Tuan Philip B. Lasimbang [Moyog]** bertanya kepada MENTERI KEWANGAN apakah pecahan yang diguna-pakai oleh kerajaan untuk mengagih-agihkan peruntukan kepada agama-agama bukan Islam di Negeri Sabah sejak dari lima (5) tahun yang lalu.
37. **Y.B. Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup [Sook]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR, memandangkan bahawa kes jerebu berlaku setiap tahun (hamipr 9 tahun berturut-turut) adakah kerajaan negeri mengumpul dan membukukan maklumat-maklumat/data-data mengenai kesan negatif jangka panjang akibat daripada jerebu tersebut keatas ekonomi Negeri Sabah seperti industri pelancongan, kesihatan, pertanian dan sebagainya. Sila huraikan.
38. **Y.B. Tuan Justin Guka [Bingkor]** bertanya kepada KETUA MENTERI berapakah hasil keuntungan yang telah diperolehi oleh kerajaan negeri daripada ladang sawit yang dijalankan oleh Sawit Kinabalu setiap tahun.
39. **Y.B. Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup [Sook]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN HAL EHWAL PENGGUNA memandangkan bahawa semua kos barangan dan kadar inflasi telah meningkat berkali ganda maka bolehkah kerajaan menaikkan elaun warga emas yang mana pada masa kini hanya menerima dalam lingkungan RM70 – RM80 sebulan sejak 20 tahun yang lalu.

40. **Y.B. Tuan Herbert Timbon Lagadan [Kedamaian]** bertanya kepada KETUA MENTERI apakah sebabnya Jabatan Perhutanan gagal menguatkuasakan undang-undang hutan bagi menghalang pencerobohan keatas kawasan hutan simpan diperingkat awal dan hanya menguatkuasakan undang-undang apabila para petani sudah berpuluh tahun menduduki kawasan hutan simpan di Negeri Sabah.
41. **Y.B. Datuk Haji Ghulamhaidar Khan Bahadar [Kawang]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR berapakah bilangan pengusaha-pengusaha projek "home-stay" di negeri ini dan apakah kerajaan mempunyai program membantu memberi latihan dan bantuan mempromosi kepada pengusaha-pengusaha projek tersebut.
42. **Y.B. Tuan Johnny @ Juni Intang [Kuamut]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN HAL EHWAL PENGGUNA adakah kementerian mempunyai rancangan untuk membina bangunan Pusat Pemulihan Dalam Komuniti di Daerah Kinabatangan dan di Daerah Tongod.
43. **Y.B. Datuk Hj. Jasa bin Datuk Hj. Rauddah [Kunak]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan mengenai jerebu yang berleluasa dan apakah implikasinya terhadap pelancongan khususnya di Negeri Sabah.
44. **Y.B. Tuan Samson Chin Chee Tsu [Sri Tanjung]** bertanya kepada MENTERI KEWANGAN apakah rancangan-rancangan lain yang telah dirancang dan dijalankan untuk menolong pelabur-pelabur Saham Amanah Sabah (SAS) selain daripada membahagikan dividen berjumlah RM10,080,662 kepada 54,697 orang pelabur pada tahun yang lalu.
45. **Y.B. Tuan Johnny @ Juni Intang [Kuamut]** bertanya kepada KETUA MENTERI apakah rancangan dan tindakan untuk memperbaiki rumah-rumah yang dibina melalui Projek Perhutanan Masyarakat (PPM) yang pada ketika ini telah usang dan tidak selamat untuk didiami.
46. **Y.B. Datuk Masrani Parman [Pitas]** bertanya kepada KETUA MENTERI, apakah tindakan kerajaan terhadap projek pelaksanaan pembinaan Masjid Daerah Pitas yang didapati agak lembab dan tidak menepati tempoh masa yang ditetapkan.

47. **Y.B. Tuan Johnny Goh [Inanam]** bertanya kepada MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN, sama ada berlakunya perbezaan harga kepingan getah, getah kental, sekerap di Semenanjung, Sarawak berbanding di Sabah dan sama ada tiada berlaku sebarang penyeludupan getah dari negeri jiran jika berlaku perbezaan harga tersebut.
48. **Y.B. Datuk Seri Panglima Hj. Lajim Hj. Ukin [Klias]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR sejak Kerajaan Persekutuan memperkenalkan Pinjaman Mudah Tabung Pelancongan untuk pengusaha pelancongan mendapat modal bagi membina Resort dan Budget Hotel, dan lain-lain produk pelancongan berapa banyak sudah pinjaman yang telah diluluskan oleh kerajaan pusat kepada pengusaha-pengusaha pelancongan di Sabah dan berapa ramai dari kalangan bumiputera.
49. **Y.B. Datuk Seri Panglima Hj. Lajim Hj. Ukin [Klias]** bertanya kepada MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN sejak Syarikat Perumahan Negara Berhad/Syarikat Perumahan Negara beroperasi di Negeri Sabah berapa banyakkah jumlah rumah yang sudah dibina oleh kedua-dua agensi tersebut.
50. **Y.B. Datuk Mohd. Lan Allani [Sulabayan]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR apakah perancangan jangka panjang kementerian terhadap pantai-pantai peranginan di negeri ini terutama yang sering berlaku tragedi dan kemalangan jiwa seperti di pantai Dalit, Tuaran.
51. **Y.B. Tuan Johnny Goh [Inanam]** bertanya kepada KETUA MENTERI, apakah kategori bagi perusahaan keatas tanah yang diberi kelulusan status pemilikan sementara tanah (T.O.L) dan samada kelulusan itu boleh dibatalkan pada bila masa.
52. **Y.B. Tuan Philip B. Lasimbang [Moyog]** bertanya kepada KETUA MENTERI berapakah kerugian yang ditanggung oleh kerajaan negeri bagi membayar saman ganti rugi akibat kecuaiian dan kelalaian pegawai-pegawai kerajaan.

Soalan-soalan yang tidak sempat dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis.

PERTANYAAN-PERTANYAAN UNTUK JAWAPAN BERTULIS
SIDANG BELANJAWAN TAHUN 2007
24 - 30 NOVEMBER 2006

1. **Y.B. Tuan Hj. Mohd. Arifin Mohd. Arif [Membakut]** bertanya kepada KETUA MENTERI kerajaan dalam RMK-9 memperkenalkan Program Kawasan Tumpuan Pembangunan (ACDA) bagi membangun semula tanah terbiar serta tanah yang tidak digunakan sepenuhnya. Setakat mana Sabah terlibat dalam melaksanakan program ini.
2. **Y.B. Tuan Hj. Mohd. Arifin Mohd. Arif [Membakut]** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR kendala pemilik tanah untuk membangun tanah mereka di kawasan Gandawari, Membakut ialah masalah jalan serta jambatan kenderaan. Bolehkah kerajaan membantu mengatasi masalah ini.
3. **Y.B. Tuan Hj. Mohd. Arifin Mohd. Arif [Membakut]** bertanya kepada KETUA MENTERI berapa buah masjid, surau dan sekolah agama di Sabah yang tapak bangunannya tidak atau belum dibuat penyerahan pewakafan oleh tuan punya tanah.
4. **Y.B. Tuan Hj. Mohd. Arifin Mohd. Arif [Membakut]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR, apakah langkah kerajaan dalam mengatasi masalah jerebu yang sering melanda Sabah akibat pembakaran hutan yang berleluasa di negara jiran.
5. **Y.B. Datuk Haji Ghulamhaidar Khan Bahadar [Kawang]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR berapakah peruntukan yang telah dikeluarkan oleh kerajaan dalam membantu pihak persatuan-persatuan kebudayaan untuk menganjur kursus atau bengkel permainan alat-alat muzik tradisi tempatan sepanjang tahun 2006.
6. **Y.B. Datuk Haji Ghulamhaidar Khan Bahadar [Kawang]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN HAL EHWAL PENGGUNA apakah usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak kerajaan untuk membentaras gejala penyalahgunaan dadah berbahaya dan sejauh manakah kejayaannya.
7. **Y.B. Datuk Haji Ghulamhaidar Khan Bahadar [Kawang]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR apakah jenis-jenis bantuan khasnya bagi membantu rakyat untuk membangun

tanah dan mengusahakan ladang-ladang mereka dan dimanakah kawasan-kawasan yang telah menunjukkan hasilnya.

8. **Y.B. Datuk Haji Ghulamhaidar Khan Bahadar [Kawang]** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN SUMBER DAN KEMAJUAN TEKNOLOGI apakah jenis-jenis penyelidikan yang telah dijalankan oleh pihak kementerian dan bolehkah kerajaan menyatakan syarikat swasta yang dilantik dan kosnya.
9. **Y.B. Tuan Hj. Mohd. Arifin Mohd. Arif [Membakut]** bertanya kepada KETUA MENTERI sehingga kini, berapa banyakkah istilah/kalimat dalam bahasa sukuan di Sabah yang telah diserapkan ke dalam Bahasa Kebangsaan.
10. **Y.B. Tuan Hj. Mohd. Arifin Mohd. Arif [Membakut]** bertanya kepada KETUA MENTERI apakah langkah dan strategi kerajaan dalam menjadikan Bahasa Kebangsaan sebagai bahasa ilmu dan bahasa pengucapan tinggi. Setakat mana keberkesanan program dan aktiviti bahasa yang dianjurkan kerajaan dapat menyemai semangat cintakan Bahasa Kebangsaan di kalangan masyarakat pelbagai peringkat di Sabah.
11. **Y.B. Tuan Hj. Mohd. Arifin Mohd. Arif [Membakut]** bertanya kepada KETUA MENTERI, berapakah kes tuntutan cerai/talaq di Mahkamah Syariah 2005-2006. Apakah punca utama tuntutan berkenaan dan berapakah kes yang berjaya diselesaikan dalam tempoh berkenaan.
12. **Y.B. Tuan Hj. Mohd. Arifin Mohd. Arif [Membakut]** bertanya kepada MENTERI BELIA DAN SUKAN, apakah kerajaan telah membuat kajian kesan awal program Sukan Komuniti di setiap DUN dalam memperkasa sukan teras dan berapakah jumlah belia yang terlibat dalam program ini di Sabah.
13. **Y.B. Tuan Hj. Mohd. Arifin Mohd. Arif [Membakut]** bertanya kepada KETUA MENTERI, bolehkah kerajaan menjelaskan fungsi dan peranan “*One Stop Agencies*” dalam memastikan kecekapan dan keberkesanan projek kerajaan seperti yang dinyatakan oleh YAB Ketua Menteri.
14. **Y.B. Tuan Hj. Mohd. Arifin Mohd. Arif [Membakut]** bertanya kepada TIMBALAN KETUA MENTERI / MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR, berapakah jumlah/jenis tarian kesenian yang terdapat di Sabah dan berapakah jenis tarian berkenaan yang telah dapat dipersembahkan di majlis-majlis rasmi kerajaan sepanjang 2005-2006. Apakah kerajaan bercadang untuk menerbitkan buku mengenai keunikan tarian-tarian tersebut.

15. **Y.B. Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup [Sook]** bertanya kepada KETUA MENTERI:-
- a) Apakah perkembangan terkini usaha kerajaan negeri untuk menangani isu Projek Kad Pengenalan Palsu;
 - b) Adakah Jawatankuasa Tertinggi yang telah dijanji oleh kerajaan persekutuan melalui media massa beberapa bulan dahulu ditubuh untuk mengkaji masalah pendatang asing tanpa izin.
16. **Y.B. Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup [Sook]** bertanya kepada KETUA MENTERI apakah tindakan yang diambil oleh kerajaan untuk mengawal penyakit selsema burung daripada merebak ke negeri ini yang mungkin dibawa oleh pendatang asing tanpa izin daripada negara jiran khususnya daripada Negara Indonesia ke negeri ini.
17. **Y.B. Datuk Haji Ghulamhaidar Khan Bahadar [Kawang]** bertanya kepada KETUA MENTERI bolehkah dijelaskan statistik poligami dan perceraian 2005 – 2006.
18. **Y.B. Datuk Haji Ghulamhaidar Khan Bahadar [Kawang]** bertanya kepada KETUA MENTERI bilakah kerajaan akan memulakan pembinaan SMUI Toh Puan Hajah Rahmah yang baru.
19. **Y.B. Datuk Haji Ghulamhaidar Khan Bahadar [Kawang]** bertanya kepada MENTERI KEWANGAN berapa jumlah peruntukan kewangan dalam RMK-9 yang telah dibelanjakan setakat ini dana apakah jenis projek-projek tersebut.
20. **Y.B. Datuk Haji Ghulamhaidar Khan Bahadar [Kawang]** bertanya kepada KETUA MENTERI apakah kerajaan mempunyai rekod kedatangan rakyat Negeri Sarawak dan mereka yang telah menetap di Negeri ini.
21. **Y.B. Datuk Haji Ghulamhaidar Khan Bahadar [Kawang]** bertanya kepada KETUA MENTERI bahawa memandangkan kerajaan negeri memiliki saham dalam SESB, bolehkah kerajaan mendapatkan/memberi maklumat atau data pegawai dan Jurutera anak tempatan Sabah yang sedang bertugas dengan SESB.
22. **Y.B. Datuk Haji Ghulamhaidar Khan Bahadar [Kawang]** bertanya kepada MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN apakah kerajaan mempunyai rekod peniaga atau kilang yang membeli dan menjual besi-besi

buruk dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menangani kes mencuri besi dan kabel letrik atau telefon di negeri ini.

23. **Y.B. Datuk Mohd. Lan Allani [Sulabayan]** bertanya kepada KETUA MENTERI sejauh manakah kesannya pelaksanaan RMK-9 sejak dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri kepada ekonomi Negeri Sabah sehingga masa kini. Apakah strategi kerajaan untuk meningkatkan kuasa beli atau *purchasing power* di kalangan rakyat negeri ini.
 24. **Y.B. Datuk Mohd. Lan Allani [Sulabayan]** bertanya kepada KETUA MENTERI sejauh manakah strategi Pemberian kontrak melalui sistem cabutan oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah (JPPS) boleh menjana pertumbuhan ekonomi negeri ini dan melahirkan kontraktor yang berkualiti. Apakah rasionalnya strategi ini dilaksanakan.
 25. **Y.B. Datuk Mohd. Lan Allani [Sulabayan]** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR adakah kementerian sudah mengenal pasti kawasan sering berlaku kemalangan jalan raya di negeri ini. Apakah langkah-langkah yang sedang diambil untuk memperbaiki kawasan ini.
 26. **Y.B. Datuk Mohd. Lan Allani [Sulabayan]** bertanya kepada MENTERI PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR apakah tindakan kementerian terhadap beberapa kawasan jalan raya di antara Sandakan – Telupid – Ranau yang telah mengalami tanah runtuh sejak beberapa tahun lepas dan mengapakah ianya masih belum diperbaiki.
 27. **Y.B. Tuan Philip B. Lasimbang [Moyog]** bertanya kepada KETUA MENTERI adakah kerajaan negeri berhasrat untuk mencadangkan kepada Kerajaan Persekutuan supaya 16 September disambut sebagai Hari Malaysia untuk memperingati Penubuhan Malaysia.
-